

## **Soalan Lazim PRULink Managed Fund (PMF)**

### 1. Kemas kini strategi pelaburan

#### • **Mengapakah Prudential mengemaskinikan strategi pelaburan PRULink Managed Fund (PMF)?**

Kemas kini strategi pelaburan dana tersebut dilaksanakan supaya dapat memberi lebih nilai tambah buat pelanggan kami dalam jangka panjang. Kami percaya bahawa strategi pelaburan PMF berupaya untuk memperkasakan pengurusan dana yang mampan di samping menawarkan potensi prestasi dana yang lebih baik.

#### • **Apakah yang dimaksudkan dengan kemas kini strategi pelaburan tersebut?**

Peruntukan aset antara ekuiti tempatan dan sekuriti pendapatan **PRULink Managed Fund (PMF)** tidak akan berubah. Namun begitu, kemas kini bertujuan untuk menyalurkan 90% daripada strategi peruntukan ekuiti PMF kepada **PRULink Strategic Fund (PSF)**, manakala baki 10% akan dikekalkan dalam **PRULink Equity Fund (PEF)**.

#### • **Bagaimanakah kemas kini strategi pelaburan boleh memberi impak ke atas pelaburan sedia ada saya?**

Tiada impak ke atas pelaburan sedia ada anda. Kemas kini mungkin berpotensi menjana prestasi dana yang lebih baik melalui pemilihan stok kerana strategi pelaburan **PRULink Strategic Fund (PSF)** tertumpu khususnya kepada syarikat peneraju dan syarikat bakal peneraju.

#### • **Bolehkah anda beritahu saya mengenai dana sasaran baharu, PRULink Strategic Fund (PSF) dengan lebih lanjut?**

PSF melabur terutamanya dalam stok Syarikat Peneraju atau Bakal Peneraju di Malaysia melalui syarikat permodalan besar, sederhana dan kecil untuk mencapai potensi prestasi dana yang lebih baik.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang PSF, anda boleh merujuk kepada Lembaran Fakta Dana Induk menerusi [Savings & Investment Funds | Prudential Malaysia](#). (Nota: Prestasi di masa lalu tidak menunjukkan prestasi masa depan dan prestasi dana tersebut tidak dijamin.)

#### • **Bilakah kemas kini strategi pelaburan tersebut akan berkuat kuasa?**

Kemas kini strategi pelaburan akan berkuat kuasa mulai 16 Julai 2022.

#### • **Adakah terdapat sebarang kos yang akan saya tanggung?**

Tiada kos dikenakan ke atas anda. Perlindungan insurans anda juga tidak akan terjejas.

#### • **Apakah tindakan yang boleh saya ambil jika saya ingin melabur ke dalam dana lain selain PRULink Managed Fund (PMF)?**

Anda boleh memilih untuk menukar unit pelaburan sedia ada atau menyalurkan premium berulang daripada PMF kepada dana lain sebagaimana yang ditawarkan oleh polisi yang berpandukan tahap toleransi risiko dan keutamaan pelaburan anda.

#### • **Bagaimanakah caranya untuk saya melakukan penukaran dana?**

Anda boleh melakukan penukaran dana mengikut proses transaksi dana semasa, iaitu dengan melengkapkan borang "Permohonan Pengeluaran, Penukaran, Penyaluran Premium atau Pembatalan Pengeluaran Berstruktur".

### 2. Penyaluran premium berulang

#### • **Apakah yang dimaksudkan dengan penyaluran premium berulang?**

Penyaluran premium berulang ialah apabila anda memberikan arahan kepada kami untuk menyalurkan premium berulang anda sama ada mengikut jenis dana atau perkadaran pelaburan.

#### • **Adakah wajib untuk saya salurkan premium berulang daripada PRULink Managed Funds (PMF) kepada PRULink Managed Plus Fund (PMPF)? Bolehkah saya memilih dana lain selain PMPF?**

Anda tidak wajib untuk menyalurkan premium berulang daripada PMF kepada PMPF. Anda mempunyai pilihan untuk menyalurkan premium berulang kepada PMPF atau mana-mana dana seperti yang ditawarkan oleh polisi yang berpandukan tahap toleransi risiko dan keutamaan pelaburan anda, atau anda juga boleh memilih untuk mengekalkan premium dalam PMF.

#### • **Apakah yang akan berlaku sekiranya saya tidak memberikan arahan untuk menyalurkan premium menjelang 4 Julai 2022?**

Sekiranya anda tidak mengambil tindakan, premium berulang anda akan kekal dilaburkan dalam PMF. Walau bagaimanapun, kami menggalakkan anda untuk menyalurkan premium berulang ke dalam **PRULink Managed Plus Fund (PMPF)** yang mempunyai pendedahan ekuiti tempatan dan asing sebagai tambahan kepada pendedahan sekuriti pendapatan tetap tempatan.

- **Mengapakah saya digalakkan untuk menyalurkan premium berulang kepada Dana PRULink Managed Plus (PMPF)?**

PMPF ialah pilihan yang dicadangkan untuk pertimbangan kerana PMPF menyediakan peluang agar anda dapat menyertai kedua-dua pasaran ekuiti tempatan dan asing sebagai tambahan kepada pasaran pendapatan tetap tempatan. Selain itu, PMPF juga berupaya memanfaatkan peluang pelaburan global yang luas, berbanding pasaran ekuiti tempatan.

- **Bolehkah anda beritahu saya tentang PRULink Managed Plus Fund (PMPF) dengan lebih lanjut?**

Strategi pelaburan PMPF dan PRULink Managed Fund (PMF) adalah mirip, dengan gabungan kedua-dua ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap berada di bawah struktur Dana ke Dana, kecuali PMPF mempunyai pendedahan ekuiti asing maksimum sehingga 40%. Peruntukan aset neutral PMPF ialah 60% dalam ekuiti dan 40% dalam sekuriti pendapatan tetap.

PMPF memberikan anda peluang untuk mengambil bahagian dalam pasaran ekuiti tempatan dan asing yang menawarkan ruang pelaburan global yang luas, berbanding pasaran ekuiti tempatan. Selain itu, PMPF juga memberikan anda peluang untuk mempelbagaikan risiko dari negara tertentu.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang PMPF, anda boleh merujuk kepada Lembaran Fakta Dana Induk menerusi Savings & Investment Funds | Prudential Malaysia. (Nota: Prestasi di masa lalu tidak menunjukkan prestasi masa depan dan prestasi dana tersebut tidak dijamin.)

- **Bagaimanakah saya boleh menyalurkan premium berulang kepada PRULink Managed Plus Fund (PMPF)?**

Anda boleh menyalurkan premium berulang kepada PMPF dengan:

- Mengambil langkah berpandukan pautan yang diterima melalui SMS untuk menyempurnakan arahan, atau
- Mengisi borang yang diterima berserta surat bercetak

- **Di samping itu, bagaimanakah saya boleh menyalurkan premium berulang kepada dana selain PRULink Managed Plus Fund (PMPF)?**

Anda boleh menyalurkan premium berulang kepada mana-mana dana lain sebagaimana yang ditawarkan oleh polisi yang berpandukan tahap toleransi risiko dan keutamaan pelaburan anda. Sila lengkapkan borang "Permohonan Pengeluaran, Penukaran, Penyaluran Premium atau Pembatalan Pengeluaran Berstruktur".

- **Jika saya telah menyalurkan premium berulang daripada PRULink Managed Fund (PMF) kepada PRULink Managed Plus Fund (PMPF), bolehkah saya menyalurkan semula premium berulang tersebut kepada PMF selepas itu?**

Ya, and boleh menyalurkan semula premium berulang kepada PMF selepas itu.

- **Bilakah saya boleh menyalurkan premium berulang?**

Anda boleh menyalurkan premium berulang pada bila-bila masa. Penyaluran premium berulang kepada dana pilihan utama anda akan mula berkuat kuasa pada tarikh cukup premium yang berikutnya.

- **Adakah terdapat sebarang kos yang akan saya tanggung?**

Tiada kos dikenakan ke atas anda. Perlindungan insurans anda tidak akan terjejas.

### 3. Soalan Lain

- **Polisi saya telah luput. Bolehkah saya teruskan dengan penyaluran premium berulang/penukaran?**

Ya, boleh. Anda perlu menghidupkan polisi terlebih dahulu, kemudian barulah anda boleh melaksanakan penyaluran atau penukaran dengan sewajarnya.

- **Apakah yang akan berlaku jika Hayat Yang Diasuranskan meninggal dunia dalam 90 hari yang akan datang?**

Kami akan memproses dan menunaikan tuntutan kematian seperti yang termaktub dalam polisi berkenaan.